

Zurich General Insurance melancarkan Pelan Insurans Motosikal Pertama di Pasaran dengan Jaminan Lanjutan Percuma



KUALA LUMPUR, 12 Ogos 2024 – Zurich General Insurance Malaysia Berhad (ZGIMB) melancarkan dua pelan insurans motosikal baharu, **Z-Rider (EW)** dan **Z-Rider (Plus)**. Pelan-pelan inovatif ini bertujuan untuk menyediakan perlindungan komprehensif dan ketenangan fikiran kepada penunggang motosikal di Malaysia.

Dengan [lebih 16 juta motosikal](#) di Malaysia, ZGIMB menyedari keperluan untuk penyelesaian insurans motosikal yang disesuaikan dengan kehendak pelanggan. Siri Z-Rider memenuhi keperluan ini dengan menawarkan ciri-ciri yang memberi manfaat khusus kepada penunggang motosikal. Ini sejajar dengan etos jenama Zurich Malaysia 'Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna' yang menekankan inovasi, kemudahan dan empati.

"Pelancaran Z-Rider (EW) dan Z-Rider (Plus) merupakan langkah yang signifikan dalam insurans motosikal di Malaysia," kata **Junior Cho, Ketua Pengawai Eksekutif/Ketua Zurich Malaysia**. "Kami bangga menjadi syarikat insurans pertama yang menawarkan jaminan lanjutan percuma, memberikan nilai yang luar biasa kepada pelanggan kami. Pelan-pelan ini menawarkan perlindungan komprehensif dan manfaat berharga, menjadikan ZGIMB rakan kongsi ideal untuk pengalaman menunggang motosikal yang selamat dan yakin."

Z-Rider (EW): Pertama di Pasaran

Pelan Z-Rider (EW) adalah pelan perintis kepada pasaran. Ia menawarkan jaminan lanjutan percuma, yang merupakan manfaat unik yang pertama dalam pasaran, memastikan perlindungan optimum untuk penunggang motosikal. Manfaat* utama adalah seperti berikut:

- Jaminan Lanjutan Percuma: Terpakai untuk motosikal baharu sehingga 200cc (tidak termasuk motosikal elektrik) yang disertakan dengan jaminan dua tahun pengeluar menerusi ejen sah ZGIMB yang merupakan pengedar motosikal
- Servis Tunda Kerosakan: Perlindungan sehingga 60 km
- Perlindungan Kemalangan Peribadi: RM5,500 setiap pemegang polisi

Z-Rider (Plus): Perlindungan Komprehensif Untuk Pelbagai Keperluan

Siaran Media

12 Ogos 2024



Di samping Z-Rider (EW), ZGIMB menawarkan Z-Rider (Plus), yang direka untuk motosikal di bawah 250cc. Pelan komprehensif ini menawarkan pilihan manfaat yang disesuaikan untuk keperluan penunggang yang pelbagai. Manfaat* utama adalah seperti berikut:

- Servis Tunda Kerosakan: Perlindungan sehingga 60 km
- Perlindungan Kemalangan Peribadi: RM5,500 setiap pemegang polisi
- Elaun Banjir: RM1,000
- Tunda Kemalangan: RM100

Maklumat lanjut mengenai pelan perlindungan Z-Rider boleh diperolehi di laman web rasmi di <https://www.zurich.com.my/insurance-products/protection/for-my-vehicle/z-rider> dan <https://www.zurich.com.my/takaful-products/protection/for-my-vehicle/z-rider-takaful>.

* Tertakluk pada terma dan syarat.

###

Nota kepada editor:

Tentang Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari www.zurich.com.my.